

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

SOALAN

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan jumlah penajaan dan perbelanjaan Pavilion Malaysia di Ekspo 2020 Dubai UAE. Berapa syarikat Malaysia menyertai pameran dalam Ekspo ini dan jangkaan urusaniaga yang akan diperoleh dalam Ekspo ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Pada masa ini, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sedang menerajui penyertaan Malaysia ke Ekspo 2020 Dubai yang telah bermula pada **1 Oktober 2021 hingga 31 Mac 2022** dengan kerjasama Malaysian Green Technology & Climate Change Corporation (MGTC), agensi di bawah Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) selaku agensi pelaksana.
2. Penyertaan Malaysia ke Ekspo 2020 Dubai melibatkan **pembinaan Pavilion Malaysia berkeluasan 1,234.05 meter persegi** dengan **tema *Energising Sustainability*** yang memberi fokus ke arah mencerminkan komitmen Malaysia dalam pembangunan teknologi hijau sebagai pemangkin ke arah pembangunan ekonomi negara secara mampan.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, **peruntukan yang telah diluluskan oleh Kerajaan pada tahun 2019 bagi menjayakan penyertaan Malaysia di Ekspo 2020 Dubai adalah sebanyak RM60 juta untuk pembinaan, persediaan dan pengoperasian Pavilion Malaysia.** Kos ini merangkumi kos-kos reka bentuk, pembangunan serta pembinaan struktur pavilion, pemasangan lekapan dan kelengkapan multimedia, penyelenggaraan pavilion dan perpindahan keluar, pelaksanaan aktiviti-aktiviti seperti *showcase*, urusan pengangkutan, tiket penerbangan, penginapan, majlis perasmian dan penutup, *pocket talks*, promosi dan media, aktiviti *business-matching*, aktiviti bulanan dan mingguan sepanjang tempoh enam (6) bulan Ekspo.

4. Ekoran daripada penangguhan akibat pandemik COVID-19, peruntukan tambahan sebanyak RM10 juta telah diberikan yang merangkumi pelanjutan kontrak pekerja dan kontraktor, kos penyelenggaraan, keperluan bagi memenuhi SOP COVID-19 yang ditetapkan oleh penganjur Ekspo dan kos-kos berkaitan.

5. Di samping itu, **Pavilion Malaysia telah menerima penajaan dalam bentuk tunai dan bukan tunai sebanyak RM30 juta daripada 12 organisasi.** Dalam hal ini, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) dan 12 Majlis di bawahnya telah menjadi penyumbang terbesar diikuti oleh Petronas dan Serba Dinamik Holdings Berhad.

6. Dalam hal ini, Kementerian menyasarkan **untuk menjana nilai potensi perniagaan dan pelaburan antara RM8 bilion hingga RM10 bilion daripada kerjasama strategik dalam urusan pengkomersialan perniagaan (*business leads*) dan pemeteraian perjanjian persefahaman.** Sasaran ini akan diraih melalui **program-program perniagaan yang akan dilaksanakan setiap minggu** sepanjang enam (6) bulan Ekspo berlangsung berdasarkan industri-industri yang telah dikenal pasti, termasuk sesi *business matching*, *pocket talk* dan sebagainya.

7. Susulan itu, seperti mana yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 4 Disember 2021, **penyertaan Malaysia ke Ekspo 2020 Dubai telah berjaya memperoleh nilai potensi perniagaan dan pulangan pelaburan melebihi RM33.9 bilion**

hasil daripada 43 Memorandum Persefahaman (*Memorandum of Understanding, MoU*), Memorandum Kerjasama (*Memorandum of Cooperation, MoC*) dan Surat Niat (*Letter of Intent, Lol*) serta 602 petunjuk perniagaan dengan beberapa syarikat antarabangsa dalam tempoh 8 minggu pertama penyertaan di Expo 2020 Dubai.

8. Penyertaan minggu pertama dan kedua Malaysia ke Ekspo 2020 Dubai dengan tema "*Commercialisation: From Lab To International*" dan "*Creating Tomorrow's Sustainable Startups*" yang diterajui MOSTI telah berjaya memperoleh nilai potensi perniagaan dan pulangan pelaburan melebihi RM12.6 bilion hasil daripada 14 Memorandum Persefahaman (MoU), 2 Memorandum Kerjasama (MoC) dan 3 Surat Niat (Lol) serta 132 petunjuk perniagaan.

9. Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) pula menjadi hos di Pavilion Malaysia Expo 2020 Dubai bagi minggu ketiga, keempat dan kelima dengan tema "*Green Technology Innovation*", "*Climate Resilience & Sustainable Infrastructure*" serta "*Smart & Low Carbon Cities*" bermula pada 17 Oktober hingga 6 November 2021. Sebanyak 10 Memorandum Persefahaman (MoU) / Memorandum Kerjasama (MoC) dan 6 Surat Niat (Lol) serta 127 petunjuk perniagaan dengan jumlah potensi perniagaan berjumlah RM16.2 bilion.

10. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) pula menjadi hos di Pavillion Malaysia Expo 2020 Dubai bagi minggu keenam, ketujuh dan kelapan dengan tema "*Sustainable Financing*", "*Halal*" dan "*Northern Corridor Economic Region*" bermula pada 7 November hingga 27 November 2021. Sebanyak 7 Memorandum Persefahaman (MoU) / Memorandum Kerjasama (MoC) dan 1 Surat Niat (Lol) serta 343 petunjuk perniagaan dengan jumlah potensi perniagaan berjumlah RM5.1 bilion.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM
[SEPUTEH]**

SOALAN:

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pengambilan penjawat awam tetap dan kontrak oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam pada tahun 2018, 2019 dan 2020. Nyatakan penjawat awam yang bersara atau meletak jawatan pada tahun 2018, 2019 dan 2020.

JAWAPAN:

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

1. Pada tahun 2018, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) telah melantik seramai 48,031 orang calon. Daripada jumlah tersebut seramai 13,454 orang calon telah dilantik secara tetap dan 24,434 orang calon telah dilantik secara kontrak manakala seramai 10,143 orang calon telah dilantik secara kontrak bagi jawatan Pegawai Perubatan Gred UD41, Pegawai Pergigian Gred UG41, Pegawai Farmasi UF41 dan jawatan Separa Perubatan.
2. Pada tahun 2019 pula, SPA telah melantik seramai 41,083 orang calon. Daripada jumlah tersebut seramai 17,020 orang calon telah dilantik secara tetap dan 7,495 orang calon telah dilantik secara kontrak manakala seramai 16,568 orang calon telah dilantik secara kontrak bagi jawatan Pegawai Perubatan Gred UD41, Pegawai Pergigian Gred UG41, Pegawai Farmasi UF41 dan jawatan Separa Perubatan.
3. Seterusnya pada tahun 2020 pula, SPA telah melantik seramai 30,070 orang calon. Daripada jumlah tersebut seramai 15,518 orang calon telah dilantik secara tetap dan 4,600 orang calon telah dilantik secara kontrak manakala seramai 9,952 orang calon telah dilantik secara kontrak bagi jawatan Pegawai Perubatan Gred UD41, Pegawai Pergigian Gred UG41, Pegawai Farmasi UF41 dan jawatan Separa Perubatan.

JENIS LANTIKAN	TAHUN		
	2018	2019	2020
Lantikan Tetap	13,454	17,020	15,518
Lantikan Kontrak	24,434	7,495	4,600
Lantikan Kontrak Pegawai Perubatan UD41/ Pegawai Pergigian UG41/ Pegawai Farmasi UF41	10,143	16,568	9,952
JUMLAH	48,031	41,083	30,070

4. Rekod dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mencatatkan seramai 36,259 orang penjawat awam telah bersara pada tahun 2018, 34,374 (2019) dan 33,084 (2020).